



Lambungan ombak angin timur

■ Tiga nelayan terapung di laut lapan jam sebelum diselamatkan APMM

Zuliaty Zulkiffi
dan Syahid Sokri
am@hmetro.com.my

Alor Setar

“**S**aya hanya ingat hidup atau mati sepanjang bertarung selama lapan jam dilambung ombak setinggi empat meter bersama dua rakan lain.”

Begitu kata tekong bot, Md Habib Kasa, 56, dari Kuala Kedah, di sini, yang berdepan detik mencemaskan apabila terapung di tengah laut bersama dua awak-awak berusia 61 dan 19 tahun sebelum diselamatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) selepas bot yang mereka naiki karam dipukul ombak kuat,

awal pagi semalam.

Kejadian berlaku jam 2 pagi pada jarak enam batu nautika di barat Pulau Bunting. Yan apabila bot yang mereka naiki tenggelam sedikit demi sedikit akibat dimasuki air dalam kejadian ribut itu.

Md Habib berkata, mereka termasuk seorang awak-awak warga Thailand keluar menangkap ikan dengan bot kelas B sejak Sabtu lalu di sekitar perairan Langkawi dan Yan, tetapi cuaca berubah kira-kira jam 1 pagi semalam ketika mahu pulang ke daratan.

Menurutnya, secara tiba-tiba angin timur bertiup

kencang menyebabkan ombak kuat mengakibatkan air masuk ke dalam bot sebelum tenggelam dalam tempoh kurang lima minit.

“Dalam situasi cemas dilambung ombak dengan disertai ribut petir, saya mengarahkan dua awak-awak memakai jaket keselamatan lalu terjun ke laut kerana bimbang kejadian buruk.

“Saya dan dua awak-awak lain terpaksa berpaut pada boya yang dilepaskan selama lapan jam sementara me-

nunggu diselamatkan,” katanya ketika ditemui, di sini.

Menurutnya, mereka hanya berserah kepada takdir

kerana tidak mempunyai pilihan lain disebabkan peluang untuk hidup hanya sekitar 20 peratus.

“Saya bimbang kerana tiupan angin timur boleh berubah secara tiba-tiba, sekali gus boleh menolak kami ke arah bertentangan atau dihanyutkan sehingga ke Laut Andaman.

“Selain itu, kulit kaki kami turut melepuh akibat erendam dalam air sejuk terlalu lama, dan risau berlaku kencing gigi,” katanya.

Katanya, selepas lapan jam hanyut, sebuah bot APMM ternampak mereka menyebabbkannya rasa amat bersyukur apabila diselamatkan.

Sementara itu, Pengarah Maritim Pangkalan Kuala Kedah Leftenan Komander Maritim Ahmad Kamal Mohd Noor berkata, ketiga-tiga mangsa ditemui terapung oleh anggota APMM dengan

masing-masing memakai jaket keselamatan kira-kira jam 10 pagi.

Menurutnya, mereka diselamatkan oleh bot Penggalang 35 yang secara ketbetulan melakukan rondaan di kawasan itu dan berada dalam kesejukan ketika ditemui.

“Semua mangsa dibawa ke Hospital Yan untuk menerima rawatan selanjutnya,” katanya.

Menurutnya, APMM menasihatkan orang ramai terutama nelayan supaya mendapatkan laporan kaji cuaca sebelum melakukan sebarang aktiviti di laut.

“Kerjasama orang ramai diharap untuk melaporkan sebarang kejadian kecemasan yang berlaku di laut menerusi talian 24 jam MERS dan Pusat Operasi Maritim Pangkalan Maritim Kuala Kedah di talian 04-7310579,” katanya.

>> Kulit kaki **melepuh** akibat terendam terlalu lama



MD Habib ditemani isteri ketika menerima rawatan di Hospital Yan.

